

139,341 pelajar antarabangsa pilih IPT Malaysia

Peningkatan didorong pendidikan berkualiti, kos hidup rendah

Kuala Lumpur: Seramai 139,341 pelajar antarabangsa daripada lebih 160 negara memilih melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) Malaysia setakat 31 Mac lalu.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata kejayaan itu dipacu oleh ekosistem pendidikan berkualiti tinggi, kos sara hidup berpatutan,

tahap keselamatan negara terjamin serta penawaran program akademik diiktiraf di peringkat global.

“Peningkatan ini bukan saja memperkaya suasana pembelajaran dengan pelbagai elemen budaya, malah mewujudkan persekitaran pertukaran idea dan pengalaman yang mampu membentuk modal insan berfikir global,” katanya ketika menjawab soalan Prof Emeritus Datuk Seri Dr Awang Sariyan di Dewan Negara, semalam.

Hubungan diplomatik kukuh

Beliau berkata, pertumbuhan itu turut disokong oleh hubungan diplomatik yang kukuh, pengiktirafan bersama kelayakan akademik, kekuatan dalam bidang pengajian berimpak tinggi seperti perubatan, kejuruteraan, tekno-

logi maklumat dan pengurusan perniagaan.

Selain itu Zambry berkata, Malaysia terus memperkukuh statusnya sebagai hab pendidikan tinggi antarabangsa apabila Universiti Malaya (UM) meningkat ke kedudukan ke-58 dalam QS World University Rankings 2026, berbanding tangga ke-60 pada tahun sebelumnya.

Beliau berkata, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula naik ke kedudukan 126 berbanding 138, manakala Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) berkongsi kedudukan ke-134, masing-masing naik daripada 148 dan 146, dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melonjak ke kedudukan 153 berbanding 181.

Bagi institusi swasta, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) kini



Zambry ketika Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen ke-15 Persidangan Dewan Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

berada di kedudukan 251, Taylor's University (253), UCSI University (269), manakala Sunway University berjaya menembusi kelompok 500 terbaik dunia di tangga ke-410 selepas melonjak lebih 120 anak tangga, berbanding tahun sebelumnya.

Dari sudut penarafan dan pengiktirafan global Zambry berkata, peningkatan konsisten dapat dilihat dalam reputasi akademik, kualiti penyelidikan, keterlihatan antarabangsa dan kebolehpasaran graduan, selain beberapa universiti awam negara turut disenaraikan dalam Times Higher Education Asia University Rankings 2024

dalam kelompok 100 terbaik Asia.

“Sinergi di antara tenaga akademik tempatan dan rakan antarabangsa terus diperkukuh melalui pelbagai platform kerjasama misalnya program mobiliti akademik untuk pertukaran pensyarah dan penyelidik.

“Lebih 1,200 projek penyelidikan bersama universiti ternama di United Kingdom, Australia, Jepun, Timur Tengah dan ASEAN serta penerbitan artikel berindeks tinggi yang kini mencatat lebih 35 peratus daripada keseluruhan artikel Scopus Malaysia hasil kerjasama antarabangsa,” katanya.

BERNAMA